**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' UNDANG MUSA AL-HAJ**
**71600 KUALA KLAWANG, JELEBU, NEGERI SEMBILAN**

**UJIAN KELAS RANCANGAN KHAS**
**SEJARAH (TINGKATAN DUA)**
**MASA : I JAM**

**ARAHAN KEPADA CALON**
**Kertas ini mengandungi 50 soalan objektif. Sila jawab semua soalan yang disediakan.**

| **Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI)**<br>**Ditubuhkan di England pada tahun 1600** |
|---|

1 Apakah tanggungjawab yang diamanahkan kepada SHTI?
I Meluaskan tanah jajahan
II Mencari jalan laut ke Timur
III Menyebarkan agama Kristian
IV Menjalankan perdagangan antarabangsa
A I dan II C III dan IV
B II dan III D I dan IV

2 British ingin membina pengkalan tentera di Pulau Pinang untuk menghadapi ancaman
A Siam C Perancis
B China D Belanda

3 Apakah kepentingan Pulau Pinang pada Syarikat Hindia Timur Inggeris?
I tempat persinggahan
II tempat menempatkan tenteranya
III tempat mendapatkan hasil pertanian
IV tempat mengumpul barang dagangan
A I,II,dan III C I, III, dan IV
B I, II, dan IV D II, III, dan IV

| **Pada kurun ke-16, Kuala Kedah berkembang sebagai pelabuhan entrepot di Kepulauan Melayu. Perkembangan Kuala Kedah telah menarik perhatian orang asing.** |
|---|

4 Apakah faktor yang membolehkan Kuala Kedah berkembang sebagai pusat perdagangan Antarabangsa?
A Dasar monopoli
B Dasar buka pintu
C Dasar laissez-faire
D Dasar bebas cukai

| | | |
|---|---|---|
| **Ancaman dari** | → | • **Bugis**<br>• **Burma**<br>• **Siam** |

5 Bagaimanakah Kedah menghadapi ancaman kuasa di atas pada kurun ke -18?

A Meminta bantuan British
B Mengambil tentera upahan
C Mendirikan kubu
D Menandatangani perjanjian persahabatan

6 SHTI bimbang kepentingan perdagangan mereka di Semenanjung Tanah Melayu akan terjejas akibat dasar yang di amalkan oleh Belanda. Dasar yang diamalkan oleh Belanda ialah

A Dasar Monopoli
B Dasar Berkecuali
C Dasar Buka Pintu
D Dasar Perdagangan Bebas

| |
|---|
| **Bagai pucuk dicita ulam mendatang** |

7 Perumpamaan di atas paling sesuai dikaitkan dengan Francis Light apabila

A beliau bertapak di Kedah
B beliau ditawarkan Pulai Pinang
C beliau menguasai Seberang Perai
D beliau dilantik sebagai pemerintah Pulau Pinang

**Soalan 8 dan 9 berdasarkan jadual yang berikut.**

**Perjanjian Inggeris – Kedah 1786**

| Pihak Kedah | Pihak British |
|---|---|
| **Sultan Abdullah** | **Francis Light** |

8 Apakah tujuan utama Sultan Abdullah menandatangani perjanjian di atas dengan Francis Light?

A Memajukan Pulau-Pinang
B Mendapat wang pampasan
C Mengelakkan ancaman Siam
D Mendapatkan bantuan ketenteraan

9 Apakah kesan daripada perjanjian tersebut ?

A Francis Light membuka Pulau Pinang
B Francis Light berdagang di Kuala Kedah
C Francis Light menjadi penasihat sultan Kedah
D Francis Light memberi bantuan tentera kepada Kedah

10 Pada tahun 1786, Siam telah mengancam Kedah tetapi SHTI enggan membantu Kedah. Apakah alasan yang diberi oleh SHTI?

A Francis Light bukannya warga British
B Siam bersahabat baik dengan British
C Kedah tidak membayar wang pampasan
D SHTI tidak terlibat dalam perjanjian Inggeris- Kedah 1786

11 Mengapakah SHTI berhasrat untuk mendapatkan Seberang Prai?

I Menjalankan kegiatan pertanian
II Membina pusat pentadbiran
III Memajukan Seberang Prai
IV Menjadi benteng pertahanan

| | |
|---|---|
| A I dan II | C II dan IIV |
| B II dan III | D I dan IV |

**Pada tahun 1800, satu perjanjian ditandatangani antara George Leith (Pulau Pinang) dan Sultan Dziauddin (Kedah).**

12 Apakah kesan perjanjian di atas?

A British mengambil Pulau Pinang
B British mengambil Seberang Prai
C Pulau Pinang dinamakan *Prince of Wales Island*
D Seberang Prai dinamakan *Province Wellesly*

13 Mengapakah Sultan Kedah menyerahkan Seberang Prai kepada British?

A Desakan daripada pihak British
B Menjalinkan hubungan perdagangan
C Kedudukannya yang tidak strategik
D Untuk mendapatkan bantuan ketenteraan

- **British mengiktiraf ketuanan Siam terhadap Kedah**
- **Siam mengiktiraf pendudukan British di Pulau Pinang dan Seberang Prai**

14 Syarat perjanjian di atas terkandung dalam

A Perjanjian Low
B Perjanjian Burney
C Perjanjian Pangkor
D Perjanjian Bangkok

15 Pulau Pinang gagal bersaing dengan pelabuhan lain kerana kebanyakan kapal dagang berdagang di

I Riau
II Lingga
III Betawi
IV Johor

| | |
|---|---|
| A I, II, dan III | C I, III, dan IV |

> **Kedudukan Pulau Pinang yang jauh ke utara Selat Melaka menyebabkannya gagal bersaing sebagai pelabuhan di Kepulauan Melayu.**

16 Bagaimanakah SHTI menyelesaikan masalah tersebut?
- A Meninggalkan Kepulauan Melayu
- B Membuka pengkalan baru di Singapura
- C Membuka pengkalan baru di Singapura
- D Membuka pengkalan baru di Palembang

17 Mengapakah SHTI perlu mencari sebuah pelabuhan yang strategik di selatan Selat Melaka?
- A Untuk mengumpul bahan mentah
- B Untuk menguasai laluan perdagangan
- C Untuk menguasai Laut China Selatan
- D Untuk menguasai Melaka dan Betawi

18 Apakah keistimewaan Singapura yang menarik minat Stamford Raffles untuk menduduki pulau itu pada tahun 1819
- I Singapura sesuai untuk pengkalan tentera
- II Singapura strategik untuk mengawal Selat Melaka
- III Singapura mampu menyekat monopoli perdagangan Belanda
- IV Singapura boleh mengawal kegiatan kongsi gelap

A I dan II　　C III dan IV
B II dan III　　D I dan IV

> **Satu perjanjian telah ditandatangani antara Temenggung Abdul Rahman dengan Stamford Raffles pada 30 Januari 1819**

19 Apakah syarat perjanjian tersebut?
- I SHTI boleh mendirikan loji di Singapura
- II SHTI melantik Temenggung sebagai Sultan Johor
- III SHTI melindungi Temenggung daripada ancaman musuh
- IV SHTI membayar 3000 dolar Sepanyol setahun kepada Temenggung

A I,II,dan III　　C I,II, dan IV
B` I,II,dan IV　　D II, III,dan IV

> **Belanda mempertikaikan pendudukan British di Singapura**

20 Apakah alasan Belanda?
- A Mendakwa Singapura di bawah pengaruhnya
- B Mendakwa Singapura sebahagian daripada Johor
- C Mendakwa Singapura pernah menjadi tanah jajahannya
- D Mendakwa Singapura menghalang perkembangan Betawi

21 Perjanjian Inggeris-Belanda berjaya menyelesaikan perselisihan antara British dengan Belanda. Apakah kesan perjanjian di atas?

A Menyekat pengaruh British di Kepulauan Melayu
B Menghalang perluasan pengaruh Belanda di Kepulauan Melayu
C Membolehkan British meluaskan pengaruhnya di Tanah Melayu
D Mengakibatkan kemerosotan perdagangan di Kepulauan Melayu

22 Sehingga tahun 1824, SHTI telah mempunyai petempatan di Pulau Pinang , Singapura dan Melaka. Siapakah yang mengetuai pentadbiran di Pulau Pinang pada masa itu ?

A Residen C Gabenor Konsular
B Gabenor D Leftenan Gabenor

23 Apakah tujuan British menggabungkan Pulau Pinang, Melaka dan Singapura di bawah satu pentadbiran pada tahun 1826?

I Mengukuhkan pertahanan
II Menyeragamkan pentadbiran
III Menjimatkan kos pentadbiran
IV Mengamalkan perkongsian pakar

A I dan II C III dan IV
B II dan III D I dan IV

24 Apakah alasan yang digunakan oleh British untuk memindahkan ibu kota Negeri-Negeri Selat dari Pulau Pinang ke Singapura?

A Ditadbir terus dari London
B Disatukan di bawah satu pentadbiran
C Dijadikan tempat mengumpul hasil bumi
D Dijadikan pangkalan tentera laut Inggeris

- **Pengenalan Akta Mata Wang 1855 di Negeri-Negeri Selat.**
- **Kekacauan kongsi gelap Cina di Negeri-Negeri Selat.**
- **Pembuangan banduan di Negeri-Negeri Selat.**

25 Apakah kesan perkara-perkara di atas terhadap Negeri-Negeri Selat?

A Pentadbiran Negeri-Negeri Selat berpindah ke India
B Pentadbiran Negeri-Negeri Selat berpindah ke London
C Pentadbiran Negeri-Negeri Selat berpindah ke Bangkahulu
D Pentadbiran Negeri-Negeri Selat berpindah ke Kuala Lumpur

**Kekayaan hasil bumi negeri-negeri Melayu menyebabkan tarikan**

27 Kekayaan hasil bumi yang dimaksudkan dalam penyataan di atas merujuk kepada

| | | | |
|---|---|---|---|
| I | timah | III | tembakau |
| II | bijih besi | IV | arang batu |
| A | I, II, dan III | C | I,III, dan IV |
| B | I, II, dan IV | D | II, III, dan IV |

28 Antara berikut, faktor manakah mendorong campur tangan British di negeri-negeri Melayu?

A Mendapatkan tenaga buruh
B Membawa masuk pelabur asing
C Menyekat pengaruh kuasa asing
D Membantu orang tempatan memajukan ekonomi

29 Antara berikut, manakah faktor yang mendorong British melaksanakan dasar campur tangan di negeri- negeri Melayu selepas tahun 1874?

I Kekayaan hasil bumi
II Revolusi Perindustrian
III Desakan penduduk tempatan
IV Persaingan kuasa-kuasa Eropah

| | | | |
|---|---|---|---|
| A | I,II dan III | C | I, III, dan IV |
| B | I, II ,dan IV | D | II, III, dan IV |

- **Revolusi Perindustrian**
- **Pembukaan Terusan suez**
- **Persaingan kuasa barat**

30 Apakah kesan penting peristiwa-peristiwa di atas ke atas Tanah Melayu?

A Kemajuan perlombongan bijih timah
B Kemasukan buruh Cina
C Perluasan pengaruh British
D Perkembangan agama Kristian

**Kilang-kilang di Britain memerlukan bekalan bijih timah secara berterusan untuk industri mereka.**

31 Apakah jenis industri yang berkaitan?

A Industri tekstil
B Industri pembinaan kapal
C Industri membuat motokar
D Industri mengetin makanan

32 Apakah kepentingan pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869?

A Menjadi sistem pengairan utama

B Memudahkan pelayaran ke Tanjung Harapan
C Memudahkan orang Eropah menguasai jalan laut
D Memendrkkan jarak pelayaran dari Barat ke Timur

| **Kelian Pauh, Kinta dan Sayong** |
|---|

33 Kawasan-kawasan di atas menjadi tumpuan manusia kerana?
A kawasan perindustrian
B kawasan perlombongan emas
C kawasan pertanian subur
D kawasan perlombongan bijih timah

34 Apakah yang berlaku di Perak yang memberi peluang kepada pihak British campur tangan di negeri tersebut?
I Perebutan takhta kerajaan
II Pergaduhan kongsi gelap Cina
III Pemberontakan orang tempatan
IV Pertapakan orang Belanda di Larut
A I dan II  C III dan IV
B II dan III  D I dan IV

35 Perang Larut mengakibatkan perusahaan bijih timah terjejas. Apakah tindakan yang dilakukan oleh Ngah Ibrahim untuk menangani kekacauan tersebut?
A Meminta bantuan Raja Abdullah
B Meminta bantuan Adrew Clarke
C Meminta bantuan Kapten Speedy
D Menubuhkan pasukan askar Melayu

36 Bagaimanakah British terlibat dalam Perang Klang?
A Diminta oleh Raja Mahadi
B Diminta oleh Raja Abdullah
C Diminta oleh Tengku Kudin
D Diminta oleh Sultan Abdul Samad

| **Negeri Selangor yang kaya dengan bijih timah** |
|---|

37 Apakah peristiwa yang membolehkan British mengambil kesempatan untuk campur tangan di Selangor?
I Rompakan kapal dagang British
II Pembunuhan rakyat British
III Pergaduhan kongsi gelap
IV Serangan rumah api
A I dan II  C III dan IV
B II dan III  D I dan IV

38 **Kapal Perang British *H.M.S Rinaldo* membedil Kuala Selangor**. Mengapakah
British mengambil tindakan di atas?
A Menghapuskan lanun
B Menentang kongsi gelap
C Menamatkan Perang Klang
D Mencegah rompakan

- **Jelebu, Rembau dan Seri Menanti**

39 Bagaimanakah cara British mengukuhkan kuasanya di daerah di atas?
A Melantik Residen
B Melantik Penolong Residen
C Melantik pembesar tempatan yang menyokong
D Melantik pegawai Majistret dan Pemungut Hasil

**Berbagai-bagai alasan telah diberikan oleh pihak British untuk campur tangan di negeri-negeri Melayu pada kurun**

40 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah sebab campur tangan British di Pahang?
A Penemuan lombong emas
B Perebutan kuasa dalam pembesar Melayu
C Pergaduhan antara kongsi gelap
D Pembunuhan seorang warga British

**Pahang merupakan negri Melayu terakhir yang menerima Residen British, iaitu pada tahun 1888.**

41 Antara berikut, faktor manakah yang menyebabkan Pahang lambat menerima
Residen British berbanding dengan negeri Melayu yang lain?
A Penubuhan Majlis Penasihat
B Pelaksanaan pentadbiran Barat
C Penggubalan perlembagaan bertulis
D Peningkatan kemasukan pelabur Eropah

42 Antara yang berikut, manakah tugas Residen?
I Memajukan ekonomi negeri
II Menyusun pentadbiran negeri
III Menasihati sultan dalam segala hal kecuali agama
IV Menghapuskan amalan hamba
A I dan II  C III dan IV
B II dan III  D I dan IV

| | |
|---|---|
| **J.W.W.BIRCH** | **J.G. DAVIDSON** |
| **MARTIN LISTER** | **J.P. RODGER** |

43 Apakah peranan pegawai British di atas kepada negeri-negeri Melayu?
- A Memungut cukai
- B Menjadi Majistret
- C Memajukan perlombongan
- D Menasihati sultan dalam hal-hal pentadbiran

| **Residen British menggugat kuasa sultan dan pembesar Melayu** |
|---|

44 Antara berikut, pernyataan manakah yang dapat menerangkan keadaan di atas?

I Residen memungut cukai
II Residen menguasai pentadbiran
III Residen mencampuri adat Melayu
IV Residen menubuhkan sekolah Inggeris

A I,II, dan III    C I, III, dan IV
B I,II, dan IV    D II, III, dan IV

45 Apakah faedah yang diterima oleh negeri-negeri Melayu setelah disatukan di bawah satu pentadbiran?

I Kerjasama antara negeri lebih berkesan
II Jabatan di Kuala Lumpur di ketahui oleh orang Melayu
III Ekonomi berkembang pesat kerana pelaburan asing bertambah
IV Undang-undang kehakiman diselaraskan

A I,II, dan III    C I, III dan IV
B I, II dan IV    D II, III dan IV

46 Pelaksanaan Sistem residen di negeri-negeri Melayu menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan Raja-raja Melayu kerana ?

I Residen memaksa raja menerima nasihat.
II Residen berkuasa dalam semua hal pentadbiran
III Residen terlibat dalam pelantikan pembesar Melayu
IV Residen tidak diberi panduan yang jelas untuk menjalankan tugas.

A I, II, dan III    C I, III, dan IV
B I, II, dan IV    D I, III, dan IV

47 Apakah faktor utama yang mendorong penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu?

A Menamatkan adat tradisi    C Kelemahan sistem Residen
B Desakan pembesar Melayu    D Menghindarkan ancaman luar

| **Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan X** |
|---|

48 Negeri-negeri di atas digabungkan di bawah satu pentadbiran pusat. **X** merujuk?

A Johor C Pahang

B Perlis D Kelantan

49 Pada tahun 1909, Durbar dibubarkan dan digantikan dengan?

A Majlis Negeri C Kerajaan Pusat

B Dewan Rakyat D Majlis Mesyuarat Persekutuan

50 Durbar pertama telah diadakan di Kuala Kangsar pada tahun 1879? Apakah isu utama perbincangan dalam Durbar tersebut?

A Orang Melayu menguasai ekonomi pertanian

B Kekuasaan sultan tercabar dalam persekutuan

C Masalah tentang adat dan kebajikan orang Melayu

D Jawatan ketua-ketua jabatan diserahkan kepada pembesar